

Jenis Akhbar : Utusan Sarawak  
Tarikh : 06/12/2023  
Edisi / Muka Surat : Sarawak / 14  
Tajuk : Wanita Kini Peneraju Sektor Utama

## Wanita kini peneraju sektor utama



WANITA KINI... Datuk Rosey Yunus merakam album bersama peserta ketika hadir pada majlis Penutupan Bengkel Kepimpinan dan Keusahawanan Koperasi Wanita di salah sebuah hotel di Miri kelmarin.

**MIRI:** Dari tangan yang menghayun buaian, kini golongan telah wanita berjaya meletakkan diri sebagai peneraju dalam pelbagai sektor utama negara.

Timbalan Menteri Wanita dan Pembangunan Kanak-kanak Datuk Rosey Yunus berkata, ia menunjukkan manifestasi usaha keras golongan wanita dalam landskap ekonomi yang kian

terbuka merentasi sempadan negara.

"Dalam konteks ekonomi, kesaksamaan gender dan peluang keusahawanan buat wanita adalah aset berharga yang mampu untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mampan, lestari serta inklusif.

"Golongan wanita yang aktif dalam keusahawanan dapat

memberi sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan sosial masyarakat antaranya melalui penglibatan dalam sektor berimpak tinggi, penciptaan peluang pekerjaan, serta menjana pendapatan tambahan yang secara tidak langsung meningkatkan pendapatan isi keluarga," jelasnya pada majlis Penutupan Bengkel Kepimpinan

dan Keusahawanan Koperasi Wanita di salah sebuah hotel di sini, kelmarin.

Bellau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bekenu menambah, bagi menggalakkan golongan wanita untuk terus berada dalam sektor ekonomi kerajaan juga melalui pembentangan Bajet 2024 telah mencadangkan bahawa had

pengeluaran cukai pendapatan ke atas elaun penjagaan anak yang diterima oleh pekerja atau dibayar terus oleh majikan kepada pusat jagaan kanak-kanak diingkakan daripada RM2,400 kepada RM3,000.

"Langkah ini menunjukkan betapa pentingnya peranan wanita pada masa kini dalam jalur pembangunan negara.

"Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato Sri Nancy Shukri, jumlah tenaga kerja wanita di Malaysia adalah antara yang terendah di ASEAN iaitu pada 55.6 peratus dan masih jauh berbanding sasaran 59 peratus yang ditetapkan kerajaan menjelang 2025," katanya lagi.

Justeru koperasi adalah platform terbaik bagi usahawan dari kalangan wanita untuk terus menyumbang idea, tenaga serta kepakaran mereka dalam menjadi pemangkin kepada kesejahteraan hidup rakyat di negara ini, ujarnya lagi.

Hadir sama ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita ANGKASA Noorizan Abdul Latif dan Ketua Wilayah 7 Koperasi Co-opbank Pertama Eddie Hisyam Nordin serta Ahli Lembaga ANGKASA Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik.

Perustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA